

# Bersatu Sabah sokong pelantikan VC UMS baharu

DE 29.7.2019 2

KOTA KINABALU:  
Parti Pribumi  
Bersatu Malaysia  
(Bersatu) Sabah  
menyokong penuh  
pelantikan Prof. Dr.  
Taufiq Yap Yun Hin  
sebagai Naib  
Canselor (VC) Uni-  
versiti Malaysia  
Sabah (UMS) yang baharu.



Ketua Armadanya, Mohd Isquzawan Israaq Arsit (**gambar**) berkata merit dan kualiti pada Prof. Dr. Taufiq mengatasi semua pertimbangan lain.

“Kami yakin keputusan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik telah mengambil kira kriteria ini.

“Justeru itu, Bersatu Sabah menyambut baik keputusan melantik Prof. Dr. Taufiq sebagai VC UMS baharu,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Kementerian Pendidikan dalam satu kenyataan pada Sabtu mengumumkan Dr. Taufiq sebagai VC UMS berkuat kuasa 30 Julai hingga 29 Julai 2022 bagi menggantikan Datuk Prof Dr D Kamarudin D Mudin.

“Pelantikan ini berdasarkan kepakaran dan kelayakan akademik tinggi serta pencapaian beliau ketika memegang jawatan, sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa.

“Kementerian percaya pelantikan beliau akan dapat memacu kecemerlangan UMS ke tahap yang lebih tinggi,” kata kenyataan itu.

Taufiq, 51, yang berasal dari Kota Kinabalu merupakan profesor di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM).

Isquzawan berkata, Prof Dr Taufiq adalah anak tempatan Sabah yang memiliki kelayakan akademik dan pengurusan cemerlang yang telah mendapat pengiktirafan bukan sahaja di negara ini tetapi juga di peringkat antarabangsa.

“Beliau amat layak menerajui UMS. Bersatu Sabah akan memberi kerjasama penuh kepada beliau dalam usaha membawa UMS ke tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

“Beliau memerlukan sokongan dan dokongan daripada rakyat Sabah secara keseluruhan bagi mencapai matlamat ini,” katanya.